



YUSERRIE Zainuddin (empat dari kiri) melihat kad Unidebit milik Marina Adek yang diperkenal Universiti Malaysia Pahang pada Hari Pendaftaran Pelajar Baharu Peringkat Diploma di Kuantan, baru-baru ini.

300 lanjut pengajian peringkat diploma di UMP

KUANTAN 5 Ogos - Sebanyak 300 pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang berjaya melanjutkan pengajian peringkat diploma di Universiti Malaysia Pahang (UMP) mula mendaftar di universiti itu di sini baru-baru ini.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Prof. Datuk Dr. Yuserrie Zainuddin berkata, beliau bangga UMP menjadi pilihan pelajar-pelajar tersebut untuk menyambung pengajian dan seterusnya mencipta kecemerlangan bersama-sama universiti ini.

"UMP menawarkan lima program iaitu Diploma Kejuruteraan Kimia (Loji Proses), Diploma Kejuruteraan Awam, Diploma Sains Komputer, Diploma Kejuruteraan Mekanikal dan Diploma Kejuruteraan Elektrik

(Elektronik Industri).

"Saya berharap mereka yang terpilih melanjutkan pengajian di UMP akan memanfaatkan segala peluang dan ruang yang diberikan untuk belajar bersungguh-sungguh," katanya ketika bermesra dengan para pelajar dan ibu bapa sempena Hari Pendaftaran Pelajar Peringkat Diploma di Kompleks Sukan UMP di sini.

Yang turut hadir Pengarah Hari Suai Kenal (HSK), Qamaruddin Mohd. Fauzi.

Menurut Yuserrie, UMP turut memperkenalkan kad Unidebit sebagai kad pelajar yang berperanan untuk menguruskan perbelanjaan harian para pelajar sama ada di dalam atau luar kampus.

"Dengan kad Unidebit, mereka mampu menguruskan perbelanjaan

dengan lebih baik iaitu melakukan urusan niaga dalam talian seperti pembelian buku dan peralatan belajar.

"Kad berkenaan boleh digunakan di perpustakaan, kedai koperasi, kedai cenderamata dan beberapa tempat termasuk pembelian makanan terutama di sekitar UMP," jelasnya.

Sementara itu, seorang pelajar Orang Asli, Marina Adek, 18, yang berasal dari Kampung Hanir Hulu, Kelantan berkata, dia amat mementingkan bidang Sains Komputer dan berhasrat menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

"Saya memilih UMP kerana yakin apa yang saya cita-cita akan dapat direalisasikan di universiti ini. Saya tidak akan mensia-siakan peluang yang telah diberikan," kata anak kelima daripada lapan beradik ini.